

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab IV ini, penulis akan menyenaraikan *ism fi'l* yang terdapat di dalam al-Quran. *Ism fi'l* yang terdapat di dalam al-Quran kemudiannya akan diklasifikasikan mengikut jenis dan bentuknya yang terdapat di dalam bahasa Arab. Selain itu, fungsi-fungsi *ism fi'l* dalam al-Quran akan disentuh dengan merujuk kepada tatabahasa Arab.

4.1 Pengelasan *Ism Fi'l* yang Terdapat dalam al-Quran al-Karim

Berikut ialah jadual *ism fi'l* yang terdapat di dalam al-Quran dan dinyatakan mengikut tertib susunan surah-surah di dalam al-Quran.

Jadual 4.1: *Ism Fi'l* yang Terdapat dalam Al-Quran Al-Karim

Bil	Ayat al-Quran	<i>Ism fi'l</i>	Surah
1	يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا عَلَيْكُمْ أَنفُسُكُمْ لَا يَضُرُّكُم مَّنْ ضَلَّ إِذَا اهْتَدَيْتُمْ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا	عَلَيْكُمْ	<i>Al-Maidat:</i> 105

2	فُلْ هَلْمَ شُهَدَاءِكُمُ الَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ اللَّهُ حَرَمَ هَذَا	هَلْمَ	<i>Al-An'am: 150</i>
3	ثُمَّ نَعْوُلُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوا مَكَانِكُمْ أَنْثُمْ وَشُرَكَآؤُكُمْ	مَكَانِكُمْ	<i>Yunus : 28</i>
4	وَرَاوَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَنْ تَقْسِيمِ وَغَلَقَتِ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ	هَيْتَ	<i>Yusof : 23</i>
5	فَلَا تَقْلِلْ لَهُمَا أُفْ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا	أُفْ	<i>Al-Isra' : 23</i>
6	أُفْ لَكُمْ وَلِمَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ	أُفْ	<i>Al-Anbiya' : 67</i>
7	هَيْهَاتَ هَيْهَاتَ لِمَا تُوعَدُونَ	هَيْهَاتَ	<i>Al-Mu'minun : 36</i>

8	وَيْكَانَ اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَوْلَا أَنَّ مَنْ أَنْعَمْنَا عَلَيْنَا حَسْفَ بِنَا وَيْكَانَهُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ	1. وَيْكَانَ 2. وَيْكَانَهُ	<i>Al-Qasas : 82</i>
9	قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الْمُعَوَّقِينَ مِنْكُمْ وَالْقَائِلِينَ لِإِرْخَانِهِمْ هَلْمٌ إِلَيْنَا	هَلْمٌ	<i>Al-Ahzab : 18</i>
10	وَالَّذِي قَالَ لِوَالِدَيْهِ أُفْ لَكُمَا	أُفْ	<i>Al-Ahqaf : 17</i>
11	فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ فَيَقُولُ هَاؤُمْ افْرَأُوا كِتَابِيْهِ	هَاؤُمْ	<i>Al-Haqqa : 19</i>

Melihat jadual di atas, perkataan paling kerap disebut yang tergolong dalam *ism fi'l* ialah perkataan **أُفْ** yang didapati pada tiga surah iaitu *al-Isra'*, *al-Anbiya'* dan *al-Ahqaf*. Terdapat penggunaan *ism fi'l* pada dua tempat dalam surah *al-Qasas* dan pada ayat yang sama iaitu ayat 82. Manakala perkataan **هَلْمٌ** digunakan sebanyak dua kali namun pada tempat yang berlainan iaitu sekali digunakan di dalam surah *al-An'am* dan sekali juga di dalam surah *al-Ahzab*.

Kebanyakan perkataan *ism fi'l* disebut sekali sahaja di dalam surah yang dinyatakan di atas seperti perkataan هَيْهَاتٌ , هَيْتَ , مَكَانُكُمْ , عَلَيْكُمْ هَوْمٌ dan هَوْمٌ.

4.2 Jenis-jenis *Ism Fi'l* dalam al-Quran

Berikut ialah *ism fi'l* mengikut jenis-jenisnya yang terdapat di dalam al-Quran al-karim:

Jadual 4.2: Jenis-Jenis *Ism Fi'l* Dalam Al-Quran Al-Karim

Jenis <i>ism fi'l</i>	<i>Ism fi'l</i>	Surah
<i>Ism fi'l amr</i>	عَلَيْكُمْ	<i>Al-Maidat</i> : 105
	هَلْمٌ	1) <i>Al-An'am</i> : 150 2) <i>Al-Ahzab</i> : 18
	مَكَانُكُمْ	<i>Yunus</i> : 28
	هَيْتَ	<i>Yusof</i> : 23
	هَوْمٌ	<i>Al-Haqqat</i> : 19

<i>Ism fi'l mudari'</i>	أَفْ وَيُكَانُ وَيُكَانَةُ	1) <i>Al-Isra'</i> : 23 2) <i>Al-Anbiya'</i> : 67 3) <i>Al-Ahqaf</i> : 17 <i>Al-Qasas</i> : 82 <i>Al-Qasas</i> : 82
<i>Ism fi'l madi</i>	هَيْهَاتٌ	<i>Al-Mu'minun</i> : 36

Melalui jadual 4.2, didapati *ism fi'l* yang paling banyak didapati di dalam al-Quran adalah jenis *ism fi'l amr* iaitu kekerapan penggunaannya pada enam tempat iaitu عَيْكُمْ pada surah *al-Maidat* : 105, هُلُمْ pada surah *al-An'am* : 150 dan juga didapati pada surah *al-Ahzab*: 18 ، مَكَانُكُمْ pada surah *Yunus* : 28، هِيْتَ pada surah *Yusof*: 23 dan هَاؤُمْ pada surah *al-Haqqat* : 19.

Para nahuwan Arab juga telah bersepakat bahawa jenis *ism fi'l* ini paling banyak digunakan dalam bahasa Arab berbanding dua jenis yang lain.

Manakala, *ism fi'l* yang kedua kerap digunakan di dalam al-Quran ialah *ism fi'l mudari'* yang didapati pada empat tempat iaitu أَفْ pada tiga surah iaitu surah *al-Isra'*: 23,

surah *al-Anbiya'* : 67 dan surah *al-Ahqaf* : 17. Perkataan وَيْكَانٌ، وَيْكَانَةُ terdapat pada surah *al-Qasas* : 82.

Seterusnya, didapati hanya satu sahaja *ism fi'l madi* yang terdapat di dalam al-Quran iaitu pada surah *al-Mu'minun* : 36 iaitu perkataan هَيْهَاتَ. Perkataan هَيْهَاتَ yang ke-2 terdapat pada surah ini pula adalah *tawkid*.

Berikut ialah kategori asal *ism fi'l* yang terdapat dalam al-Quran mengikut bahagian *murtajal* dan *manqul*:

Jadual 4.3: Kategori Asal *Ism Fi'l* Yang Terdapat Dalam Al-Quran Mengikut Bahagian *Murtajal* Dan *Manqul*

Bahagian <i>ism fi'l</i>	<i>Ism fi'l</i>	Surah
<i>Murtajal</i>	هَلْمٌ	<i>Al-An'am</i> : 150 <i>Al-Ahzab</i> : 18
	هَيْتَ	<i>Yusof</i> : 23
	هَاؤُمُ	<i>Al-Haqqa</i> : 19

	أَفْ وَيْكَانٌ وَيْكَانَةُ	<i>Al-Isra' : 23</i> <i>Al-Anbiya' : 67</i> <i>Al-Ahqaf : 17</i> <i>Al-Qasas : 82</i> <i>Al-Qasas : 82</i>
<i>Manqul</i>	عَلَيْكُمْ مَكَانِكُمْ	<i>Al-Maidat : 105</i> <i>Yunus : 28</i>

Merujuk jadual di atas, terdapat enam *ism fi'l murtajal* yang terdiri daripada: perkataan *وَيْكَانَةُ* dan *أَفْ*, *هَلْمَ*. Manakala *ism fi'l manqul* pula terdiri daripada perkataan *عَلَيْكُمْ* dan *مَكَانِكُمْ* yang dipinda dari *zarf makan*.

4.3 Pemerhatian Berkisar *Ism Fi'l* dalam Bahasa Arab dan Al-Quran al-Karim

- 1) *Ism fi'l* sebenarnya tidak mempunyai sebarang tanda yang menunjukkan bahawa ia tergolong dalam kata kerja meskipun ia berperanan sebagai kata kerja.
- 2) *Ism fi'l* pada keseluruhannya sama sahaja pada semua keadaan sama ada ketika *mufrad*, *muthanna*, jamak, maskulin mahupun feminin.
- 3) Perubahan yang berlaku hanya pada penukaran *kaf khitab* pada *ism fi'l* seperti pada perkataan عَلَيْكَ yang boleh bertukar menjadi عَلَيْكُمَا (untuk dua orang), عَلَيْكُمْ (untuk jamak maskulin) dan عَلَيْكُنَّ untuk (jamak feminin).
- 4) Walaupun selalunya *ism fi'l* mengikut kata kerja yang mewakili maknanya menjadi transitif seandainya ia kata kerja transitif atau tak transitif seandainya ia kata kerja yang tak transitif, namun terdapat satu perkataan *ism fi'l* yang mempunyai ciri yang berbeza daripada situasi yang disebutkan tadi. Perkataan أَمِينٌ contohnya merupakan *ism fi'l* bersifat tak transitif, namun kata kerja yang mewakili maknanya bersifat transitif iaitu إِسْتَجْبْ دُعَائِيْ : perkenankanlah permintaanku, doaku.
- 5) *Ism fi'l* berperanan sebagaimana peranan kata kerja yang diwakilinya. Seandainya fungsi asal kata kerja tersebut mengakusatifkan objek, maka begitu juga berlaku kepada *ism fi'l* yang mewakili makna kata kerja tersebut

contohnya kata : ﷺ. Sekiranya kata kerja tersebut menominatifkan pelakunya, *ism fi'l* yang mewakilinya juga begitu seperti perkataan ﷺ. Dengan erti kata lain, selalunya jika kata kerja transitif maka *ism fi'l* yang mewakili makna tersebut menjadi transitif, begitu juga sebaliknya.

- 6) *Kaf khitab* pada *ism fi'l* tiada kedudukannya dalam *i'rab* kerana ia sebahagian daripada perkataan *ism fi'l*.
- 7) *Ism fi'l* tidak digenetifkan dan tidak boleh di *jarkan*.
- 8) Setiap perkataan yang terdiri daripada حيّ و هُلْ ialah *ism fi'l* bermakna galakan, gesaan, minta segera. Perkataan ini tersendiri dari perkataan yang lain, walau bagaimanapun kadang-kadang ia dicantum untuk memberi maksud *mubalaghah* menjadi : حيّل.
- 9) *Ism fi'l madi mabniyy* pada setiap situasi sepertimana *ism fi'l* yang lain namun ia memerlukan pelaku sama ada zahir atau *damir mustatir*.
- 10) *Ism fi'l* bersifat *sama'iyy*, tidak boleh menambah atau membuang sebarang huruf atau menukar sesuatu huruf dengan huruf yang lain atau menukar susunan huruf dengan sewenang-wenangnya.
- 11) Menurut banyak pandangan, *ism fi'l* kata nama yang tidak fleksi termasuklah *ism fi'l mudari'*.

- 12) Terdapat *ism fi'l* yang mempunyai satu baris, dua baris, kadang-kadang satu baris dan kadang-kadang dua baris dan kadang-kadang mempunyai kedua-duanya.
- 13) Bagi perkataan ﷺ Bani Tamim menukar bentuknya seperti penukaran bentuk kata kerja mengikut penggunaannya ketika *muthanna*, jamak, maskulin dan feminin berbeza ketika *mufrad*. Sebaliknya orang Hijaz sekadar menyamakan kesemua situasi dengan menggunakan perkataan yang sama tanpa sebarang perubahan.
- 14) Terdapat perbezaan dari aspek bacaan bagi perkataan أَفْ, هَيْتَ dan seumpamanya, namun mengikut pandangan para nahuwan dan ahli tafsir, perbezaan tersebut tidak mencacatkan makna asal perkataan itu sebaliknya ia berasaskan dalil yang boleh diterima pakai. Namun, jumhur berpendapat bentuk dan lafaznya sama sepertimana yang telah tertera di dalam kitab suci al-Quran.
- 15) Sepertimana kata kerja boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu *fi'l amr*, *fi'l madi* dan *fi'l mudari'*, *ism fi'l* juga terbahagi kepada tiga jenis pembahagian tersebut iaitu :
1) *ism fi'l amr*
2) *ism fi'l mudari '*
3) *ism fi'l madi*

16) *Ism fi'l manqul* selalunya terdiri daripada *ism fi'l amr* seperti : مَكَانُكُمْ، عَلَيْكُمْ seperti yang terdapat pada surah *al-Maidat* : 105, surah *Yunus* :28.

17) *Ism fi'l* berfungsi seperti kata kerja sama ada kata kerja kala kini, kata kerja kala lampau dan kata kerja perintah..

4.4 Penutup

Melalui bab ini, perolehan data kajian menerusi al-Quran telah dibentangkan setelah dianalisis pada bab sebelumnya. Pendedahan mendapati bahawa terdapat kelebihan ketika menggunakan *ism fi'l* berbanding penggunaan kata kerja. Selain itu, mesej yang disampaikan lebih melekat di hati kerana *ism fi'l* bersifat *mubalaghah*. Walau bagaimanapun, bukan semua *ism fi'l* yang terdapat di dalam bahasa Arab dapat dilihat di dalam al-Quran al-karim memandangkan penggunaannya bersifat minoriti berbanding kata kerja.